

17/05/2002

Kedutaan diarah tangkis laporan negatif terhadap Malaysia

Rejal Arbee

WASHINGTON, Khamis - Malaysia, yang sering menerima liputan negatif oleh media antarabangsa sehingga dipandang serong oleh kebanyakan negara asing, perlu mempunyai mekanisme untuk memantau dan menangkis pandangan itu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, fungsi itu boleh dimainkan oleh Kedutaan Malaysia untuk mengumpul maklumat bagi kegunaan kerajaan di samping memberi nasihat bagaimana suasana yang timbul akibat laporan buruk sedemikian boleh ditangani.

Berucap merasmikan bangunan baru Kedutaan Malaysia di sini semalam, beliau berkata, Kedutaan Malaysia di sini khususnya, mempunyai tanggungjawab lebih berat dalam usaha ini berikutan bandar raya ini adalah ibu negara kuasa terbesar di dunia.

Oleh itu, katanya, amat penting bagi Kedutaan Malaysia di sini dapat menilai pengaruh laporan media antarabangsa mengenai negara ke atas pembuat dasar di Washington.

Media sememangnya boleh mempengaruhi pemikiran penontonnya lebih-lebih lagi sekarang. Apa yang dilaporkan media khususnya televisyen seperti rangkaian televisyen dunia, boleh mempengaruhi pandangan dan tanggapan penggubal undang-undang.

"Keadaan ini pula boleh menentukan hala tuju dasar luar kebanyakan negara. Malaysia, buat beberapa ketika yang lama, tidak mendapat liputan tepat dan positif kerana kerajaan dan kepemimpinannya sering melakukan atau menyatakan sesuatu yang juga tidak konvensional dan tidak disenangi mereka.

"Bagaimanapun, kini diketahui bahawa tindakan tidak konvensional itulah yang dapat menyelamatkannya," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata, berikutan kefahaman ramai terhadap tindakan betul kerajaan walaupun ia dianggap tidak konvensional, lebih banyak pihak termasuk pengkritik tindakan kerajaan itu, kini menyatakan mereka memahami Malaysia dengan lebih baik.

Kompleks baru Kedutaan Malaysia berharga AS\$27.92 juta (RM106.1 juta) itu terletak di International Chancery Centre, kawasan yang turut menempatkan perwakilan Brunei Darussalam, Nigeria dan Pakistan.

Dibina oleh Percon Corporation, kompleks ini memaparkan reka bentuk Malaysia moden yang merangkumi seni bina Melayu tradisional termasuk ukiran kayu yang ditempah khas dari tanah air. Perabot dan lukisan yang menghiasi ruangan dalamnya turut memaparkan imej Malaysia.

Perdana Menteri berkata, Kedutaan Malaysia di Washington amat penting bagi membolehkan negara mengetahui pelbagai perkembangan di sini supaya kerajaan boleh melaksana sebarang tindakan untuk menjaga kepentingan negara.

Masyarakat politik di sini terdiri daripada 171 kedutaan, 18,000 kakitangan anggota Kongres, 74,000 peguam, 38,000 pelobi berdaftar, 4,500 wartawan, pengarang dan penganalisis serta beratus-ratus kumpulan pemikir dan perunding dasar.

Kegiatan mereka memberi impak terhadap kepentingan negara dan hubungannya dengan Amerika Syarikat.

Sebelum itu, berucap pada upacara yang sama, Menteri Luar Datuk Seri Syed Abdul Hamid Albar berkata, pembukaan bangunan baru Kedutaan Malaysia adalah satu detik signifikan kerana ia bersamaan dengan pemulihan semula hubungan politik lebih baik dengan Amerika Syarikat kesan pertemuan Dr

Mahathir dan Presiden Bush sempena lawatan ini.

Beliau menganggap peristiwa itu membuka suatu lembaran baru dalam hubungan Malaysia dengan Amerika dan akan membawa kepada peningkatan kegiatan yang membabitkan kedutaan.

Kedutaan Malaysia juga, katanya, akan memainkan peranan lebih aktif dalam mempertingkatkan hubungan Malaysia-Amerika.

Sekitar 200 tetamu termasuk beberapa pegawai kanan pentadbiran Amerika, duta pelbagai negara dan tokoh-tokoh perniagaan di sini, hadir.

Turut hadir Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Lim Keng Yaik, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim dan Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin.

Dr Mahathir kemudiannya berucap kepada kira-kira 200 pelajar Malaysia, diikuti dengan dialog sebelum berlepas pulang ke tanah air melalui London, malam ini.

(END)